

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AKP301 - PERAKAUNAN KEWANGAN III

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan-soalan daripada **BAHAGIAN A** adalah **WAJIB** dan jawab **SATU** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. (a) Bezakan di antara syer biasa, syer keutamaan dan syer tertunda.

[5 markah]

(b) Bezakan di antara rizab hasil dan rizab modal.

[2 markah]

(c) Premium saham dan rizab penebusan modal boleh dihapuskan di dalam keadaan-keadaan tertentu. Senaraikan keadaan-keadaan itu.

[3 markah]

(d) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah kepentingan minoriti tidak langsung.

[2 markah]

...2/-

- (e) Di dalam syarikat bersekutu, dua kaedah perakaunan bagi pelaburan boleh digunakan. Terangkan secara ringkas perbezaan di antara kedua-dua kaedah tersebut.

[8 markah]

2. Maklumat berikut dipetik daripada nota-nota kepada akaun bagi tahun berakhir 31 Disember, 1989 Syarikat Malaysian Helicopter Services Berhad:

Nota 9: MODAL SAHAM

Saham biasa \$1.00 setiap satu -

Dibenarkan	\$200,000,000	\$100,000,000
	=====	=====

Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:

Baki pada 1 Januari	\$ 28,985,400	\$ 28,985,400
Terbitkan bonus - 3 bagi tiap-tiap 10	\$ 8,695,620	-
Terbitkan hak - 1 bagi tiap-tiap 2	\$ 18,840,510	-
Terbitan awam	\$ 43,478,470	-
	=====	=====
Baki pada 31 Disember	\$100,000,000	\$ 28,985,400
	=====	=====

Pada 12 Mei, 1989, modal saham dibenarkan syarikat telah dinaikkan dari \$100,000,000 kepada \$200,000,000 dengan mewujudkan 100,000,000 saham biasa baru bernilai \$1.00 setiap satu.

Syarikat telah melakukan terbitan saham-saham berikut pada tahun berkenaan:

- (a) Terbitan bonus dalam bentuk tiga saham biasa yang baru bernilai \$1.00 setiap satu, dikreditkan sebagai dibayar penuh, bagi setiap sepuluh saham biasa yang dimiliki. Terbitan bonus ini telah dibuat secara permodalan \$8,695,620 dari rizab am (Nota 11).

...3/-

AKP301

- (b) Terbitan hak, pada nilai asas bagi tunai, satu saham biasa baru bernilai \$1.00 setiap satu, dibayar sepenuhnya semasa peruntukan, bagi setiap dua saham biasa yang dimiliki, berjumlah 18,840,510 saham-saham biasa baru. Saham-saham bonus baru di (a) di atas berhak untuk menyertai dalam terbitan hak ini.
- (c) Terbitan awam, bagi tunai, sebanyak 43,478,470 saham-saham baru bernilai \$1.00 setiap satu, yang dibuat selaras dengan prospektus bertarikh 16 Oktober, 1989 pada harga \$1.35 setiap saham biasa, dibayar sepenuhnya semasa permohonan.

Semua saham biasa yang baru diterbitkan di atas bertaraf "pari passu" di semua segi dengan saham-saham syarikat yang sedia ada. Selepas terbitan-terbitan tersebut, kesemua modal saham syarikat yang diterbitkan dan dibayar telah disenaraikan di Papan Utama di Bursa Saham Kuala Lumpur pada 30 November, 1989.

Nota 10: PRIMIUM SAHAM

	1989	1988
	\$	\$
Primum diperolehi dari terbitan awam sebanyak 43,478,470 saham biasa baru	15,217,464	-
Perbelanjaan terbitan saham	<u>(874,913)</u>	<u>-</u>
	-----	-----
	14,342,551	-
	=====	=====

Nota 11: RIZAB AM

Baki pada 1 Januari	9,000,000	4,000,000
Jumlah dimodalkan untuk terbitan bonus	<u>(8,695,620)</u>	<u>-</u>
	-----	-----
	304,380	4,000,000
Pindahan dari akaun untung rugi	<u>3,695,620</u>	<u>5,000,000</u>
	-----	-----
Baki pada 31 Disember	<u>4,000,000</u>	<u>9,000,000</u>
	=====	=====

...4/-

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal yang mencerminkan semua perubahan yang terlaku dalam akaun modal saham biasa, akaun premium saham dan akaun rizab am di dalam tahun 1989 bagi Syarikat Malaysian Helicopter Services Bhd.

[10 markah]

3. P Bhd. telah membeli syer di dalam Sub Bhd. seperti berikut:

<u>Tarikh belian</u>	<u>Kos</u> (\$'000)	<u>%</u>	<u>Ekuiti pemegang syer Sub Bhd.</u> (\$'000)
1/4/85	1,000	60	Modal berbayar Akaun untung rugi      1,200 300
1/4/89	300	15	Modal berbayar Rizab am      1,200 100 Akaun untung rugi      500
1/4/92	500	20	Modal berbayar Rizab am      1,200 200 Akaun untung rugi      800

Hitungkan:

- (a) Muhibah atas perolehan.
- (b) Kepentingan kumpulan di dalam ekuiti pemegang syer Sub Bhd.
- (c) Kepentingan minoriti.

[10 markah]

...5/-

AKP301

	Induk Bhd.	S Sdn. Bhd.
	(\$'000)	(\$'000)
<b>Pindahan kepada rizab am</b>	3	-
<b>Dividen interim</b>	10	10
<b>Dividen akhir yang diistiharkan</b>	10	5
	---	---
	23	15
	---	---
 <b>Akaun pengasingan untung rugi (31/12/91)</b>		
	90	65
<b>Rizab am</b>	63	20
<b>Modal berbayar</b>	300	100
<b>Debentur - 5%</b>	200	100
<b>Dividen belum bayar</b>	10	5
<b>Liabiliti lain-lain</b>	90	19
	---	---
	753	309
	---	---
 <b>Pelaburan dalam S Sdn. Bhd.</b>		
<b>- Syer biasa</b>	130	-
<b>- Debentur</b>	100	-
<b>Loji pada kos</b>	120	102
<b>Susutnilai terkumpul - loji</b>	( 65 )	( 55 )
<b>Aset tetap lain</b>	130	115
<b>Susutnilai terkumpul - aset tetap lain</b>	( 40 )	( 25 )
<b>Inventori</b>	90	85
<b>Aset semasa lain</b>	288	87
	---	---
	753	309
	---	---

...7/-

**Maklumat tambahan:**

- (a) Induk Bhd., sebuah syarikat yang mengeluarkan peralatan elektronik telah memperolehi 80% dari modal syer biasa S Sdn. Bhd. tujuh tahun dahulu. Pada tarikh pengambilalihan tersebut keadaan ekuiti pemegang syer S Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

	\$
Modal dibenarkan (200,000 syer \$1.00 setiap satu)	200,000
Modal diterbitkan dan berbayar (100,000 syer)	100,000
Rizab am	3,000
Akaun pengasingan untung rugi	37,000

- (b) Baki inventori S Sdn. Bhd. pada 1 Januari, 1991 termasuk barang bernilai \$10,000 yang dibeli dari Induk Bhd. Kos barang kepada Induk Bhd. ialah \$7,300. Semua barang ini dijual dalam tahun 1991.
- (c) Dalam inventori akhir Induk Bhd. terdapat beberapa barang yang dibeli dari S Sdn. Bhd. yang telah mendapat untung sebanyak \$5,000 dari jualan barang-barang ini.
- (d) Dalam tahun 1991, jualan yang dibuat oleh S Sdn. Bhd. kepada Induk Bhd. berjumlah \$60,000.
- (e) Pada 1 Januari, 1990, Induk Bhd. telah menjual sejenis mesin pengujian elektronik dari inventoriya pada harga \$20,000 kepada S Sdn. Bhd. yang menggunakan mesin itu dalam lojinya. Susutnilai garis lurus yang dikenakan oleh S. Sdn. Bhd. bagi peralatan ini ialah 20% setiap tahun. Kos pengeluaran peralatan ini bagi Induk Bhd. ialah \$15,000.
- (f) Semua bayaran perundingan yang diterima oleh Induk Bhd. didapati dari S Sdn. Bhd. Bayaran ini terdiri dari \$2,200 bagi perkhidmatan pentadbiran dan \$2,000 bagi perkhidmatan teknikal yang dicaj kepada belanja perkilangan oleh S Sdn. Bhd.
- (g) Semua debentur yang diterbitkan oleh S Sdn. Bhd. dimiliki oleh Induk Bhd.

**Dikehendaki:**

- (i) Penyata untung rugi disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember, 1991 bagi kumpulan Induk Bhd.  
(ii) Kunci kira-kira disatukan pada 31 Disember, 1991 bagi kumpulan Induk Bhd.

(Sila tunjuk semua perkiraan termasuk lembaran kerja bagi (i) dan (ii) di atas).

[35 markah]

**BAHAGIAN B**

Jawab **SATU** soalan sahaja.

5. Kunci kira-kira Syarikat Vanmala Bhd. pada 31 Disember, 1991 adalah seperti berikut:

	\$	\$
<b>Aset jangka panjang:</b>		
Tanah pada kos		50,000
Harta pemegangan pajak pada kos	20,000	
Tolak pelunasan	10,000	10,000
	-----	
<b>Loji dan mesin pada kos</b>	15,000	
Tolak susutnilai terkumpul	5,000	10,000
	-----	
<b>Pelaburan pada kos</b>		15,000
	-----	
		85,000
<b>Aset semasa:</b>		
Inventori	4,000	
Akaun belum terima	6,000	10,000
	-----	
		95,000
	-----	

...9/-

	\$	\$
<b>Modal dibenarkan:</b>		
100,000 syer biasa \$1 setiap satu	100,000	
100,000 syer keutamaan kumulatif 7% \$1 setiap satu	100,000	
	<hr/>	<hr/>
	200,000	<hr/>
<b>Modal diterbitkan:</b>		
50,000 syer biasa	50,000	
100,000 syer keutamaan kumulatif 7%	100,000	
Akaun premium syer	20,000	
Akaun untung rugi	(135,000)	
	<hr/>	<hr/>
Jumlah ekuiti pemegang saham	35,000	
Debentur 9% (bercagar atas tanah)	30,000	
	<hr/>	<hr/>
<b>Liabiliti semasa:</b>		
Akaun belum bayar	10,000	
Overdraf bank	20,000	30,000
	<hr/>	<hr/>
	95,000	<hr/>

Mahkamah telah meluluskan skim pengurangan modal yang berikut:

- (a) Syer keutamaan hendaklah dikurangkan kepada \$0.10 setiap satu dan syer biasa kepada \$0.50 setiap syer. Selepas pengurangan ini, syer-syer itu hendaklah disatukan menjadi syer \$1. Modal dibenarkan tidak akan berubah.
- (b) Dividen keutamaan tertunggak selama tiga tahun. Satu syer biasa yang bernilai \$1 setiap satu hendaklah diterbitkan bagi tiap-tiap \$3 jumlah kasar dividen keutamaan tertunggak.
- (c) Akaun syer premium hendaklah dihapuskan.

...10/-

- (d) Pemegang-pemegang debentur akan mengambil alih tanah dengan nilai yang dipersetujui sebanyak \$65,000 dan membayar bakinya kepada syarikat itu setelah menolak amaun yang terhutang kepada mereka.
- (e) Pelaburan hendaklah dijual mengikut harga pasaran \$20,000 dan penerimaan tersebut akan digunaan untuk menjelaskan overdraf bank.
- (f) Bakit debit dalam akaun untung rugi hendaklah dihapuskan.
- (g) Loji dan mesin hendaklah diturunkan nilainya kepada \$5,000, inventori kepada \$3,000 dan akaun belum terima kepada \$5,000.

Dikehendaki:

(i) Catatan-catatan jurnal bagi urusniaga di atas dalam buku-buku syarikat itu.

[12 markah]

(ii) Kunci kira-kira sebaik sahaja habis skim ini telah dilaksanakan.

[13 markah]

6. Besar Bhd. telah memperolehi 90% dari ekuiti Kecil Bhd. melalui satu tawaran am kepada pemilik syer Kecil Bhd.. Kunci kira-kira kedua-dua syarikat sebelum pengambilalihan itu berlaku ialah seperti berikut:

Kunci kira-kira pada 31 Mac, 1992

	Besar Bhd. (\$'000)	Kecil Bhd. (\$'000)
Aset tetap	16,300	9,000
Aset semasa	8,500	9,800
Tolak liabiliti semasa	6,600	7,800
Aset semasa bersih	1,900	2,000
	18,200	11,000
Tolak pinjaman jangka panjang		1,000
	18,200	10,000

...11/-

	Besar Bhd. (\$'000)	Kecil Bhd. (\$'000)
Modal syer biasa (\$1 satu)	11,000	4,000
Premium syer	3,000	
Rizab penilaian semula		1,600
Untung tertahan	4,200	4,400
	-----	-----
	<u>18,200</u>	<u>10,000</u>

Nilai asset dan liabiliti Kecil Bhd. adalah sama dengan nilai pasaran. Pada tarikh penerimaan tawaran iaitu 31 Mac, 1992, harga syer di bursa saham ialah seperti berikut:

Besar Bhd.	\$3.00 sesyer
Kecil Bhd.	\$2.80 sesyer

**Dikehendaki:**

- (a) Sebutkan sama ada kaedah pengumpulan kepentingan bersama boleh digunakan untuk merekodkan pengambilalihan di atas jika imbalan belian ialah:
- 3,000,000 syer biasa Besar Bhd. dan tunai sebanyak \$1,200,000;
  - 3,400,000 syer biasa Besar Bhd; atau
  - 3,200,000 syer biasa Besar Bhd. dan \$600,000 tunai.

[9 markah]

- (b) Sediakan kunci kira-kira disatukan selepas penyatuhan bagi setiap alternatif (i), (ii) dan (iii) di dalam bahagian (a) di atas. Gunakan kaedah pengumpulan kepentingan bersama di mana sesuai.

[16 markah]

---oooo000ooo---